

14/09/1999

Pelajar Melayu digesa tingkat semangat saing

Noor Azlina Zainudin

PELAJAR Melayu perlu mengambil iktibar pencapaian cemerlang pelajar di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), terutama semangat bersaing untuk maju serta semangat untuk menimba ilmu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata kecemerlangan dalam pelajaran hanya boleh dicapai dengan kesungguhan, semangat yang tinggi serta kegigihan untuk mencipta kejayaan.

Sehubungan itu, katanya, pelajar Melayu perlu mencontohi semangat bersaing untuk maju serta semangat mereka untuk menimba ilmu seperti yang ditunjukkan oleh pelajar bukan Melayu.

"Sebenarnya untuk mencapai kejayaan cemerlang, pelajar perlu bersungguh-sungguh. Inilah rahsia utama untuk berjaya," katanya selepas merasmikan majlis Promosi Makanan Negeri Sembilan di sebuah hotel di ibu negara, semalam.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya guru di sekolah kebangsaan mencontohi komitmen yang ditunjukkan oleh guru di SJKC sehingga pelajar di sekolah berkenaan mencapai kejayaan cemerlang, terutama dalam subjek Matematik dan Sains.

Mengulas kenyataan itu, Khalid berkata, teguran itu bermaksud guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut keadaan dan situasi semasa kerana kaedah yang sama akan menyebabkan pelajar bosan dan sukar menerima setiap maklumat yang disampaikan.

"Sebenarnya semua sekolah di negara ini mengikut sistem pendidikan yang sama. Malah, guru yang ditempatkan di sekolah kebangsaan mahupun di SJKC menjalani latihan perguruan yang sama.

"Bagaimanapun mungkin guru SJKC menggunakan pendekatan dan kemahiran mengajar yang berbeza untuk membolehkan semua pelajar menerima ilmu pengetahuan yang sama rata," katanya.

Menurutnya, setiap pelajar mempunyai tahap kemampuan berfikir yang berbeza dan menjadi tugas guru untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai digunakan bagi setiap pelajaranya.

"Ada tiga kategori pelajar iaitu cerdas, sederhana dan lemah. Ketiga-tiga kategori ini boleh dikesan di semua sekolah dan pencapaian akademik mereka banyak bergantung kepada usaha yang dilakukan oleh guru.

"Mungkin SJKC sudah mengesan kewujudan setiap kategori pelajar ini dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengatasi masalah yang akan dihadapi apabila berhadapan dengan mereka," katanya.

Katanya, Dr Mahathir menggalakkan guru sekolah kebangsaan meninjau kaedah dan strategi pembelajaran guru di SJKC dalam usaha melahirkan lebih ramai generasi celik ilmu pada masa akan datang.

Khalid berkata, Kementerian Pendidikan tidak pernah menghalang ibu bapa pelajar Melayu untuk menghantar anak ke SJKC atau Tamil (SJKT).

Malah, katanya, kementerian menggalakkan pelajar mempelajari lebih daripada dua bahasa sebagai persediaan awal menghadapi masa hadapan yang lebih baik dan sempurna.

Selain itu, Khalid berkata, pemakanan seimbang, tahap kesihatan dan kebolehan untuk memperkayakan pemikiran menjadi elemen penting ke arah mewujudkan minda yang cergas.

Untuk itu, katanya, pelajar perlu mengambil makanan seimbang dan sentiasa membabitkan diri secara aktif dalam aktiviti luar sebagai salah satu cara meningkatkan kecerdasan otak.

"Malah, pelajar perlu sedar bahawa pelajaran amat penting kepada mereka

untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi keluarga selain sebagai suatu keperluan pada masa akan datang.

"Kesedaran ini menjadi pendorong untuk berusaha dengan gigih dan berjaya dalam semua bidang yang mereka ceburi," katanya.

(END)